

2013 ARMS TRADE TREATY



The Arms Trade Treaty (ATT) regulates international transfers of conventional arms, as well as their ammunition, parts and components, with a view to reducing human suffering. The ATT makes arms transfer decisions subject to humanitarian concerns by forbidding transfers when there is a defined level of risk that war crimes or serious violations of international human rights law will be committed. The ATT was adopted on 2 April 2013 and opened for signature on 3 June 2013. It entered into force on 24 December 2014.

WHAT IS THE OBJECT AND PURPOSE OF THE ATT?

The object of the ATT is to establish the highest possible common international standards for regulating the international trade in conventional arms, to prevent and eradicate the illicit trade in conventional arms, and to prevent their diversion. This, in turn, is for the purpose of contributing to regional and international peace, security and stability, reducing human suffering, and promoting cooperation, transparency and responsible action by States Parties (Article 1).

TO WHAT ARMS DOES THE ATT APPLY?

It applies, at a minimum, to the following categories of conventional arms: battle tanks, armoured combat vehicles, large-calibre artillery systems, combat aircraft, attack helicopters, warships, missiles and missile launchers and small arms and light weapons (Article 2(1)). States are encouraged to voluntarily apply the treaty to the broadest range of conventional arms (Article 5(3)).

The ATT also applies to ammunition/munitions that are fired, launched, or delivered by the conventional arms covered in the treaty (Article 3), and to the parts and components that are in a form that makes it possible to assemble the conventional arms covered in the treaty (Article 4). Only the core obligations of the ATT (found in Articles 6 and 7 on transfer prohibitions and export criteria respectively) apply to ammunition/munitions and parts and components.

TO WHAT TRANSACTIONS DOES THE ATT APPLY?

The ATT applies to the activities of the international trade comprising export, import, transit, trans-shipment and brokering, which are referred to in the treaty as ‘transfer’ (Article 2(2)).

WHAT ARMS TRANSFER CRITERIA DOES THE ATT IMPOSE?

A. Transfer prohibitions

It prohibits transfers of arms, ammunition/munitions and parts and components where the transfer would violate obligations under measures adopted under Chapter VII of the Charter of the United Nations, “in particular arms embargoes” (Article 6(1)). The ATT also prohibits transfers of such weapons and items where the transfer would violate a State Party’s “relevant international obligations under international agreements to which it is a Party, in particular those relating to the transfer of, or illicit trafficking in, conventional arms” (Article 6(2)).

Transfers of arms, ammunition/munitions and parts and components are also prohibited if the State Party has knowledge at the time of authorization that the arms or items would be used in the commission of genocide, crimes against humanity, grave breaches of the four Geneva Conventions, attacks directed against civilian objects or civilians protected as such, or other war crimes as defined by international agreements to which it is a Party (Article 6(3)).

For instance, an ATT State Party that is also party to the Statute of the International Criminal Court and to Protocol I of 8 June 1977 additional to the Geneva Conventions, would be required to take into consideration a wide range of war crimes.

B. Criteria to assess export

If an export has not been prohibited under Article 6, the exporting State Party must assess whether the arms, ammunition/munitions or parts and components would contribute to or undermine peace and security, and whether there is a “potential” that they could be used to commit or facilitate a serious violation of international humanitarian law, a serious violation of international human rights law, an act constituting an offence under international instruments relating to terrorism to which the State is a Party, or an act constituting an offence under international instruments relating to transnational organized crime to which the State is a Party (Article 7(1)).

The object of the ATT is to establish the highest possible common international standards for regulating the international trade in conventional arms, to prevent and eradicate the illicit trade in conventional arms, and to prevent their diversion.

In this assessment, each State Party must also take into account the risk of the conventional arms or items being used to commit or facilitate serious acts of gender-based violence or serious acts of violence against women and children (Article 7(4)).

With regard to the consequences identified in Article 7(1), the State Party must also consider whether there are risk mitigation measures that could be undertaken (Article 7(2)).

If, after conducting this assessment and considering available mitigating measures, the exporting State Party determines that there is an overriding risk of any of the adverse consequences in Article 7(1), it must not authorize the export (Article 7(3)).

A number of States Parties have declared upon ratification that they will interpret the term ‘overriding’ risk as ‘substantial’ or ‘clear’ risk.

The treaty encourages a State Party to reassess an authorization if it becomes aware of relevant new information (Article 7(7)).

As Article 7 relates only to exports, the activities of import, transit, trans-shipment and brokering are not subject to such an assessment or to any of the criteria set out in this provision.

HOW CAN A STATE BECOME A PARTY TO THE ATT?

The ATT entered into force on 24 December 2014, 90 days following the date of the deposit of the 50th instrument of ratification, acceptance or approval.

To become a party to the ATT, a State that has signed the Treaty before its entry into force must ratify, accept or approve it. The ATT is open for accession by any State that has not signed it before its entry into force. The Treaty will enter into force for that State 90 days following the date of deposit of its instrument of ratification, acceptance, approval or accession (Article 22).

WHAT MUST STATES DO TO IMPLEMENT THE ATT?

Each State Party must implement the ATT in a consistent, objective and non-discriminatory manner, bearing in mind the Principles referred to in the treaty (Article 5(1)), such as the Principle of respecting and ensuring respect for international humanitarian law and human rights.

Each State Party must take measures necessary to implement the Treaty and establish and maintain an effective and transparent national control system (Article 5(2) and 5(5)). This includes measures

to regulate the import (Article 8), transit, trans-shipment of (Article 9), and brokering activities related to (Article 10) conventional arms, and to regulate the export of conventional arms, related ammunition and parts and components (Article 5(5)).

As part of its national control system, each State Party must establish and maintain a national control list of the weapons and items covered. This list must be made available to other States Parties. States are encouraged to publish their control list (Article 5(2) and (4)). In addition, each

State Party must designate competent national authorities (Article 5(5)), as well as one or more national points of contact to exchange information on matters related to the treaty’s implementation (Article 5(6)).

Each State Party involved in the transfer of conventional arms must take measures to prevent their diversion (Article 11(1)). States involved in export, transit, trans-shipment, and import must cooperate and exchange information in order to mitigate the risk of diversion of conventional arms

Each State Party must take appropriate measures to enforce national laws and regulations that implement the provisions of the Treaty (Article 14).

To become a party to the ATT, a State that has signed the Treaty before its entry into force must ratify, accept or approve it. The ATT is open for accession by any State that has not signed it before its entry into force.

covered under the ATT (Article 11(3)). States Parties must take appropriate measures to address diversion they detect, and are encouraged to share information on effective measures to address diversion (Article 11(4–5)).

States Parties must maintain national records of export authorizations or actual exports of conventional arms and are encouraged to do so for imports, transit and trans-shipment. The ATT provides recommendations on the types of information to be recorded and requires that the records be kept for at least 10 years (Article 12).

States Parties must report on the implementation measures they have undertaken. A State Party must submit, within a year after the treaty's entry into force, an initial report on implementation measures (such as national laws, control lists and administrative measures). After that, States must report on any new implementation measures undertaken “when appropriate”.

States Parties must also report annually on authorized or actual exports and imports of conventional arms. All reports will be shared with other States Parties (Article 13).

Each State Party must take appropriate measures to enforce national laws and regulations that implement the provisions of the Treaty (Article 14).

The ATT gives each State Party the discretion to determine the form, structure and legislative underpinning of its national control system. In practice, implementation will demand an assessment of what legislative, administrative and other measures are necessary to comply with ATT obligations. Such measures must, notably, ensure respect for the Treaty by natural and legal persons within the jurisdiction of the State Party, for instance, by establishing an effective licensing process, ensuring implementing authorities have adequate resources and technical expertise, and imposing administrative penalties and penal sanctions.

At the Conference of States Parties, convened annually, States Parties, among other things, review the implementation of the treaty, and consider amendments to it as well as issues related to its interpretation (Article 17).

WHAT SUPPORT IS AVAILABLE FOR ADHERENCE AND IMPLEMENTATION?

The United Nations has published a ratification guide describing the procedures that States must follow in order to sign, ratify, accept, approve, or accede to the ATT, available at <https://www.un.org/disarmament/convarms/arms-trade-treaty-2>. The guide contains model instruments of adherence for States to deposit with the Secretary-General of the United Nations. The guide is available in English, French and Spanish on the same website. Additional tools and guidelines, including a ‘Welcome Pack for New States Parties to the Arms Trade Treaty’ are available online at <https://thearmstradetreaty.org/tools-and-guidelines.html>.

The ICRC is ready to assist States in implementing the Treaty, within the limits of its mandate and expertise in international humanitarian law. It will do so through its Advisory Service on International Humanitarian Law, which can provide guidance to governments on incorporating the ATT's requirements in domestic legislation. The ICRC has also put out publications to assist States in understanding the treaty's requirements and in adopting effective implementation measures.¹

¹ See “Understanding the Arms Trade Treaty from a Humanitarian Perspective” available at <https://shop.icrc.org/understanding-the-arms-trade-treaty-from-a-humanitarian-perspective-pdf-en>, and “Arms Transfer Decisions: Applying International Humanitarian Law and International Human Rights Law Criteria – a Practical Guide” available at <https://shop.icrc.org/arms-transfer-decisions-applying-international-humanitarian-law-and-international-human-rights-law-criteria-a-practical-guide-pdf-en>.

MISSION

The International Committee of the Red Cross (ICRC) is an impartial, neutral and independent organization whose exclusively humanitarian mission is to protect the lives and dignity of victims of armed conflict and other situations of violence and to provide them with assistance. The ICRC also endeavours to prevent suffering by promoting and strengthening humanitarian law and universal humanitarian principles. Established in 1863, the ICRC is at the origin of the Geneva Conventions and the International Red Cross and Red Crescent Movement. It directs and coordinates the international activities conducted by the Movement in armed conflicts and other situations of violence.

 facebook.com/icrc

 twitter.com/icrc

 instagram.com/icrc


International Committee of the Red Cross
19, avenue de la Paix
1202 Geneva, Switzerland
T +41 22 734 60 01
shop.icrc.org
© ICRC, April 2021

ICRC

TRITI PERDAGANGAN SENJATA 2013



Triti Perdagangan Senjata (*Arms Trade Treaty* atau ATT) mengawal selia pemindahan antarabangsa senjata konvensional serta munisi, bahagian-bahagian dan komponen-komponennya dengan matlamat untuk mengurangkan penderitaan manusia. ATT menjadikan keputusan-keputusan pemindahan senjata mengambil kira pertimbangan-pertimbangan kemanusiaan dengan melarang pemindahan-pemindahan yang mempunyai tahap risiko yang jelas bahawa jenayah perang atau pelanggaran serius undang-undang hak asasi manusia antarabangsa akan dilakukan. ATT telah diterima pakai pada 2 April 2013 dan dibuka untuk tandatangan pada 3 Jun 2013. Ia telah mula berkuat kuasa pada 24 Disember 2014.

APAKAH OBJKTIF DAN TUJUAN ATT?

Objektif ATT adalah untuk mewujudkan standard antarabangsa sepunya yang setinggi mungkin bagi mengawal selia perdagangan senjata konvensional antarabangsa, mencegah dan membanteras perdagangan senjata konvensional haram, dan mengelakkan pelencongan perdagangan tersebut. Objektif ini seterusnya dapat menyumbang kepada keamanan, keselamatan serta kestabilan serantau dan antarabangsa, mengurangkan penderitaan manusia, serta menggalakkan kerjasama, ketelusan dan tindakan yang bertanggungjawab oleh Negara-Negara Pihak (Perkara 1).

APAKAH SENJATA YANG TERTAKLUK KEPADA ATT?

ATT terpakai sekurang-kurangnya kepada kategori senjata konvensional berikut: kereta kebal tempur, kenderaan tempur berperisai, sistem artileri berkaliber besar, pesawat tempur, helikopter penyerang, kapal perang, peluru berpandu dan pelancar peluru berpandu serta senjata-senjata kecil dan ringan (Perkara 2(1)). Negara-Negara digalakkan untuk melaksanakan triti ini secara sukarela kepada skop senjata konvensional yang seluas mungkin (Perkara 5(3)).

ATT juga terpakai kepada peluru/munisi yang dilepaskan, dilancarkan atau dihantar oleh senjata-senjata konvensional yang dinyatakan dalam triti (Perkara 3), serta kepada bahagian-bahagian dan komponen-komponen dalam bentuk yang memungkinkan pemasangan senjata konvensional yang dinyatakan dalam triti tersebut (Perkara 4). Hanya obligasi teras ATT (tentang larangan pemindahan dan kriteria eksport yang terdapat dibawah Perkara 6 dan 7) terpakai kepada peluru/munisi serta bahagian-bahagian dan komponen-komponen.

TRANSAKSI MANAKAH YANG TERTAKLUK KEPADA ATT?

ATT terpakai kepada aktiviti-aktiviti perdagangan antarabangsa yang terdiri daripada eksport, import, transit, pemunggahan dan pembrokeran yang dimaksudkan dalam triti ini sebagai ‘pemindahan’ (Perkara 2(2)).

APAKAH KRITERIA PEMINDAHAN SENJATA YANG ATT PERUNTUKKAN?

A. Larangan Pemindahan

ATT melarang pemindahan senjata, peluru/munisi serta bahagian-bahagian dan komponen-komponen jika pemindahan itu akan melanggar obligasi-obligasi dibawah kaedah-kaedah yang diterimapakai di bawah Bab VII Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, “khususnya embargo-embargo senjata” (Perkara 6(1)). ATT juga melarang pemindahan senjata-senjata dan barang jika pemindahan itu akan menyebabkan sesebuah Negara Pihak untuk melanggar “obligasi-obligasi antarabangsa dibawah perjanjian-perjanjian antarabangsa yang mana Negara itu adalah salah satu pihak, khususnya perjanjian-perjanjian yang berkaitan dengan pemindahan atau pemerdagangan haram senjata-senjata konvensional” (Perkara 6(2)).

Pemindahan senjata, peluru/munisi serta bahagian-bahagian dan komponen-komponen juga dilarang jika sesebuah Negara Pihak itu mengetahui bahawa pada masa ia memberi kuasa atau kebenaran untuk memindahkan sesuatu senjata atau barang, senjata atau barang tersebut akan digunakan untuk melakukan genosid, jenayah terhadap kemanusiaan, pelanggaran serius empat Konvensyen-Konvensyen Geneva, serangan yang ditujukan terhadap objek awam atau orang awam yang dilindungi, atau jenayah-jenayah perang lain seperti yang ditakrifkan oleh perjanjian-perjanjian antarabangsa yang mana Negara Pihak ATT itu juga adalah satu pihak (Perkara 6(3)).

Sebagai contoh, sesebuah Negara Pihak ATT yang juga merupakan pihak kepada Statut Mahkamah Jenayah Antarabangsa dan Protokol I bertarikh 8 Jun 1977 Tambahan kepada Konvensyen-Konvensyen Geneva, hendaklah mempertimbangkan pelbagai jenis jenayah perang sebelum membenarkan sesuatu pemindahan senjata, peluru/munisi, bahagian dan/atau komponen.

B. Kriteria untuk menilai eksport

Jika eksport tidak dilarang dibawah Perkara 6, Negara Pihak yang mengeksport mesti menilai sama ada senjata, peluru/munisi atau bahagian dan komponen tersebut akan menyumbang atau menjelaskan keamanan dan keselamatan, dan sama ada terdapat “potensi” yang senjata, peluru/munisi atau bahagian dan komponen itu akan digunakan untuk melakukan atau memudahkan sesuatu pelanggaran serius undang-undang kemanusiaan antarabangsa atau undang-undang hak asasi manusia antarabangsa, sesuatu perbuatan yang menjadi kesalahan dibawah instrumen-instrumen antarabangsa berkaitan keganasan atau jenayah terancang rentas negara yang mana Negara Pihak juga adalah satu pihak (Perkara 7(1)).

Objektif ATT adalah untuk mewujudkan standard antarabangsa sepunya yang setinggi mungkin bagi mengawal selia perdagangan senjata konvensional antarabangsa, mencegah dan membanteras perdagangan senjata konvensional haram, dan mengelakkan pelencongan perdagangan senjata konvensional.

Dalam penilaian ini, setiap Negara Pihak juga mesti mengambil kira risiko senjata konvensional atau barang yang hendak diekspot akan digunakan untuk melakukan atau memudahkan perbuatan ganas yang serius berasaskan jantina atau terhadap wanita dan kanak-kanak (Perkara 7(4)).

Berkenaan dengan kesan-kesan yang dikenal pasti dalam Perkara 7(1), Negara Pihak juga mesti mempertimbangkan sama ada terdapat langkah pengurangan risiko yang boleh diambil (Perkara 7(2)).

Negara Pihak pengeksport itu hendaklah tidak membenarkan eksport jika Negara itu mendapati bahawa terdapat risiko melampau bahawa mana-mana kesan bertentangan dibawah Perkara 7(1) akan berlaku selepas menjalankan penilaian dan mempertimbangkan langkah-langkah pengurangan risiko yang ada. (Perkara 7(3)).

Sebilangan Negara-Negara Pihak telah mengisytiharkan semasa meratifikasi ATT bahawa mereka akan mentafsirkan istilah risiko ‘melampau’ sebagai risiko ‘substansif’ atau ‘jelas’.

Triti tersebut menggalakkan Negara-Negara Pihak untuk menilai semula kebenaran jika Negara Pihak itu menyedari adanya maklumat baharu yang berkaitan (Perkara 7(7)).

Memandangkan Perkara 7 hanya berkaitan dengan eksport, maka aktiviti-aktiviti import, transit, pemunggahan dan pemberokeran tidak tertakluk kepada penilaian sedemikian atau apa-apa kriteria yang ditetapkan dalam peruntukan ini.

BAGAIMANAKAH SESEBUAH NEGARA BOLEH MENJADI PIHAK KEPADA ATT?

ATT telah mula berkuat kuasa pada 24 Disember 2014, iaitu 90 hari selepas tarikh penyimpanan instrumen ratifikasi, penerimaan atau kelulusan yang ke-50.

Untuk menjadi pihak kepada ATT, sesebuah Negara yang telah menandatangani Triti sebelum ia mula berkuat kuasa mesti meratifikasi, menerima atau meluluskannya. ATT dibuka untuk kesertaan oleh mana-mana Negara Pihak yang belum menandatanganinya sebelum ATT mula berkuat kuasa. Triti akan mula berkuat kuasa untuk Negara Pihak tersebut dalam tempoh 90 hari selepas tarikh penyimpanan instrumen ratifikasi, penerimaan, kelulusan atau kesertaan (Perkara 22).

APAKAH YANG MESTI NEGARA-NEGARA PIHAK LAKUKAN UNTUK MELAKSANAKAN ATT?

Setiap Negara Pihak mesti melaksanakan ATT secara konsisten, objektif dan tanpa diskriminasi, dengan mengambil kira prinsip-prinsip yang dirujuk dalam triti (Perkara 5(1)) seperti prinsip menghormati dan memastikan penghormatan terhadap undang-undang kemanusiaan antarabangsa dan hak asasi manusia.

Setiap Negara Pihak mesti mengambil langkah-langkah yang perlu untuk melaksanakan Triti dan mewujudkan serta menyenggara sistem kawalan negara yang berkesan dan telus (Perkara 5(2) dan 5(5)). Ini termasuk langkah-langkah untuk mengawal selia import (Perkara 8), transit, pemunggahan (Perkara 9) dan aktiviti-aktiviti pemberokeran (Perkara 10) yang berkaitan dengan senjata konvensional, dan mengawal selia eksport senjata konvensional serta peluru-peluru, bahagian-bahagian dan komponen-komponen yang berkaitan (Perkara 5(5)).

Untuk menjadi pihak kepada ATT, sebuah Negara yang telah menandatangani Triti sebelum ATT mula berkuat kuasa mesti meratifikasi, menerima atau meluluskannya. ATT dibuka untuk kesertaan oleh mana-mana Negara yang belum menandatanganinya sebelum ATT mula berkuat kuasa.

Ahli mesti melantik pihak-pihak berkuasa negara yang kompeten (Perkara 5(5)), serta satu atau lebih poin hubungan negara untuk bertukar-tukar maklumat tentang perkara-perkara pelaksanaan triti (Perkara 5(6)).

Setiap Negara Pihak mesti mengambil langkah yang sewajarnya untuk menguatkuasakan undang-undang dan peraturan negara yang melaksanakan peruntukan Triti (Perkara 14).

Setiap Negara Pihak yang terlibat dalam pemindahan senjata konvensional mesti mengambil langkah untuk mengelakkan pelencongan pemindahan tersebut (Perkara 11(1)). Negara-Negara yang terlibat dalam eksport, transit, pemunggahan dan import mesti bekerjasama dan bertukar-tukar maklumat supaya dapat mengurangkan risiko pelencongan senjata konvensional yang dinyatakan dibawah ATT (Perkara 11(3)). Negara-Negara Pihak mesti mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk menangani pelencongan yang dikesan, dan digalakkan untuk berkongsi maklumat tentang langkah-langkah yang berkesan untuk menangani pelencongan (Perkara 11(4-5)).

Negara-Negara Pihak mesti menyenggara rekod-rekod negara tentang kebenaran eksport atau eksport sebenar senjata konvensional dan digalakkan berbuat demikian tentang import, transit dan pemunggahan. ATT mengesyorkan jenis-jenis maklumat yang perlu direkodkan dan menghendaki rekod tersebut disimpan selama sekurang-kurangnya 10 tahun (Perkara 12).

Negara-Negara Pihak mesti melaporkan tentang langkah-langkah pelaksanaan yang telah mereka ambil. Sesebuah Negara Pihak mesti menyerahkan, dalam tempoh setahun selepas triti mula berkuat kuasa, laporan awal tentang langkah-langkah pelaksanaan (seperti undang-undang negara, senarai kawalan dan kaedah pentadbiran). Selepas itu, Negara-Negara mesti melaporkan tentang apa-apa langkah pelaksanaan baharu yang diambil “apabila sesuai”.

Negara-Negara Pihak juga mesti melaporkan secara tahunan tentang eksport dan import senjata konvensional yang dibenarkan atau yang sebenar. Semua laporan akan dikongsi dengan Negara-Negara Pihak yang lain (Perkara 13).

Setiap Negara Pihak mesti mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menguatkuaskan undang-undang dan peraturan-peraturan negara yang melaksanakan peruntukan-peruntukan Triti (Perkara 14).

ATT menyerahkan kepada budi bicara setiap Negara Pihak untuk menentukan bentuk, struktur dan asas perundangan bagi sistem kawalan negaranya. Secara praktikalnya, pelaksanaan menghendaki penilaian tentang langkah-langkah perundangan, pentadbiran dan lain-lain yang diperlukan bagi mematuhi obligasi-obligasi ATT. Langkah-langkah tersebut terutamanya wajib memastikan pematuhan Triti oleh orang sebenar dan orang di sisi undang-undang dibawah bidang kuasa Negara Pihak, contohnya dengan mewujudkan proses pelesenan yang berkesan, memastikan agensi penguatkuasaan mempunyai sumber dan kepakaran teknikal yang mencukupi, dan mengenakan penalti pentadbiran dan sekatan hukuman.

Pada Persidangan Negara-Negara Pihak yang diadakan setiap tahun, Negara-Negara Pihak antara lainnya hendaklah menyemak semula pelaksanaan triti tersebut, dan mempertimbangkan pindaan-pindaan kepadanya serta isu-isu yang berkaitan dengan pentafsirannya (Perkara 17).

APAKAH SOKONGAN YANG DISEDIAKAN UNTUK PEMATUHAN DAN PELAKSANAAN?

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah menerbitkan panduan ratifikasi yang menerangkan prosedur yang mesti dipatuhi oleh Negara-Negara untuk menandatangani, meratifikasi, menerima, meluluskan, atau menyetujui ATT yang boleh didapati di <https://www.un.org/disarmament/convarms/arms-trade-treaty-2>. Panduan ini mengandungi model instrumen bagi Negara-Negara untuk disimpan bersama Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Panduan ini disediakan dalam Bahasa Inggeris, Perancis dan Sepanyol dalam laman web yang sama. Alat dan garis panduan tambahan termasuk ‘Welcome Pack for new State Parties to the Arms Trade Treaty’ tersedia dalam talian di <https://thearmstradtreaty.org/tools-and-guidelines.html>.

ICRC bersedia untuk membantu Negara-Negara Pihak melaksanakan Triti menurut mandat dan kepakarannya dalam undang-undang kemanusiaan antarabangsa. ICRC akan memberikan sokongan melalui Khidmat Nasihat ICRC tentang Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa yang boleh menyediakan bimbingan kepada kerajaan untuk mengintegrasikan kehendak ATT dengan perundangan domestik. ICRC juga telah menerbitkan panduan untuk membantu Negara-Negara Pihak untuk memahami kehendak triti dan membantu menerima pakai kaedah pelaksanaan yang berkesan.¹

¹ Lihat “Understanding the Arms Trade Treaty from a Humanitarian Perspective” (Memahami Triti Perdagangan Senjata dari Perspektif Kemanusiaan) yang boleh didapati di <https://shop.icrc.org/understanding-the-arms-trade-treaty-from-a-humanitarian-perspective-pdf-en>, dan “Arms Transfer Decisions: Applying International Humanitarian Law and International Human Rights Law Criteria – a Practical Guide” (Keputusan Pemindahan Senjata: Penggunaan Kriteria Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa dan Undang-undang Hak Asasi Manusia Antarabangsa – Panduan Praktikal) yang boleh didapati di <https://shop.icrc.org/arms-transfer-decisions-applying-internationalhumanitarian-law-and-international-human-rights-law-criteria-a-practical-guide-pdf-en>.

MISI

Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah (*International Committee of the Red Cross* atau ICRC) ialah sebuah pertubuhan yang saksama, berkecuali dan bebas dengan misi kemanusiaannya yang khusus untuk melindungi nyawa dan maruah mangsa-mangsa konflik bersenjata dan situasi-situasi keganasan yang lain serta memberikan bantuan kepada mangsa-mangsa. ICRC juga berusaha untuk mencegah penderitaan dengan menyebarluaskan pengetahuan dan memperkuuh undang-undang kemanusiaan dan prinsip-prinsip kemanusiaan sejagat. Ditubuhkan pada 1863, ICRC berada pada asal usul Konvensyen-Konvensyen Geneva serta Pergerakan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah Antarabangsa. Jawatankuasa ini mengawal serta menyelaras aktiviti-aktiviti antarabangsa yang dijalankan oleh Pergerakan semasa berlakunya konflik-konflik bersenjata dan dalam situasi-situasi keganasan yang lain.

 facebook.com/icrc

 twitter.com/icrc

 instagram.com/icrc

International Committee of the Red Cross

19, avenue de la Paix
1202 Geneva, Switzerland

T +41 22 734 60 01
shop.icrc.org
© ICRC, April 2021



ICRC